

25/07/1997

Syor wujud panel perisik kewangan

PETALING JAYA, Khamis - Thailand mencadangkan Asean membentuk satu panel perisik kewangan bagi memastikan kegiatan spekulasi terutama membabitkan mata wang di rantau ini tidak berulang.

Menteri Luarnya, Prachuab Chaiyasarn, berkata berkata satu mekanisme perlu dibentuk segera berikutan kegiatan spekulasi yang berlaku sejak kebelakangan ini memberi kesan serius ke atas semua negara Asean, termasuk negara yang ekonomi makronya begitu kukuh seperti Singapura.

"Bagaimanapun, ini perkara sensitif dan perlu dibuat dengan berhati-hati oleh pakar kewangan di rantau ini.

"Saya sudah mengemukakan cadangan ini kepada rakan sejawat lain dan mereka memberi sambutan positif," katanya.

Beliau diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika merasmikan Mesyuarat Menteri Luar Asean (AMM) di sini, hari ini, bahawa Asean memerlukan satu pendekatan seragam bagi menangani masalah serangan spekulator terhadap mata wang negara anggotanya termasuk mengkaji kemungkinan menggubal undang-undang mengenainya.

Menurutnya, pada masa ini, Asean sudah mempunyai kerjasama dan peraturan tertentu berhubung mata wang. Bagaimanapun, ia tidak cukup berkesan bagi menangani masalah yang berlaku sekarang.

Prachuab berkata, Perdana Menteri Thailand sendiri sudah mengarahkan Kementerian Kehakiman negara itu untuk membuat deklarasi bagi membolehkan ia membentuk satu pasukan petugas untuk mengatasi masalah jenayah kolar putih dan antarabangsa, terutama membabitkan serangan spekulasi matawang negara itu.

Mata wang Thailand menjadi sasaran pertama spekulator yang memberi kesan serius bukan sahaja ke atas ekonomi negara itu, bahkan negara Asean yang lain sebelum disusuli peso Filipina, ringgit Malaysia dan dolar Singapura.

"Dalam ucapannya tadi (ketika perasmian) Dr Mahathir berkata, masalah itu adalah serius, berikutan itu Asean mesti mempunyai mekanism di kalangan negara anggota di rantau ini bagi memastikan pengamal spekulasi tidak lagi berani melakukan sesuka hati di sini.

"Kita tidak lagi mampu untuk membiarkan seseorang atau kumpulan berkeliaran untuk menggugat kedudukan ekonomi mana-mana negara di rantau ini," katanya.

Menteri Luar Indonesia, Ali Alatas, berkata memang ada perkembangan mengenai siapa yang membuat spekulasi.

"Kita tidak mahu menyebut siapa mereka, tetapi keadaan yang berlaku sejak kebelakangan ini adalah suatu pengalaman yang perit bagi beberapa negara.

"Ini adalah kejadian paling serius kerana mereka (spekulator) bukan saja mengambil kesempatan ke atas negara agak lemah kedudukan ekonomi, bahkan memberi kesan ke atas negara yang langsung tidak menghadapi masalah dalam sektor ini," katanya.

(END)